



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 14 APRIL 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	JIKA PESAWAH BERUNDUR, BEKALAN BERAS TERANCAM, RENCANA, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 15	LAIN - LAIN
2.	PENGORBANAN KEDAH SEBAGAI JELAPANG PADI WAJAR DIBERI INSENTIF, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 15	
3.	PENGORBANAN KEDAH WAJAR DISUSULI INSENTIF KEWANGAN, NEGARA, KOSMO, M/S – 12	
4.	SULTAN KEDAH TITIAH INSENTIF UNTUK NEGERI JELAPANG PADI, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 18	
5.	KEDAH WAJAR DAPAT INSENTIF HARGAI KEKAL KAWASAN PADI, TADAHAN AIR, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 14	
6.	KOS BAJAK SAWAH RM800 SEHEKTAR? DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 11	
7.	PROJEK TILAPIA JANA PENDAPATAN 320 PENDUDUK JENALIK HILIR, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 9	
8.	'RAMAI PILIH SAYUR BERLUBANG', NEGARA, KOSMO, M/S – 6	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

MUKHTARUDDIN  
MUSA

# Jika pesawah berundur, bekalan beras terancam

**B**EAN pesawah kini semakin bertambah akibat dari kenaikan harga diesel.

Benar, pesawah sudah lama bergelut dengan kos input, cuaca yang tidak menentu dan hasil yang turun naik. Namun keadaan semasa bukan lagi sekadar 'tertekan' sebaliknya sudah menghampiri tahap yang memaksa mereka memilih antara dua perkara sama ada meneruskan musim dengan hutang baharu atau mengurangkan tanaman demi menyelamatkan keluarga.

Sebab itu, luahan pesawah yang mahu berhenti menanam padi tidak wajar dianggap emosi sementara.

Ini kerana ia berkait rapat dengan keterjaminan makanan dan kedaulatan makanan negara. Padi ialah makanan ruzi rakyat Malaysia dan apabila pesawah mula berundur, negara bukan sahaja kehilangan hasil tetapi juga kehilangan keupayaan untuk berdiri dengan lebih mandiri dalam isu bekalan makanan.

## TREND PENGELUARAN YANG MEMBIMBANGKAN

Malaysia mempunyai kira-kira 200,000 pesawah. Angka ini besar dan sepatutnya menjadi kekuatan negara. Namun, trend pengeluaran semasa memberi gambaran sektor padi masih rapuh.

Pengeluaran padi pada 2022 direkodkan sekitar 2.282 juta tan metrik, kemudian menurun kepada 2.175 juta tan metrik pada 2023 dan turun lagi kepada sekitar 2.06 juta tan metrik pada 2024.

Penurunan berterusan ini bukan sekadar statistik tetapi menandakan ada masalah yang belum diselesaikan

pada peringkat ekosistem iaitu kos, produktiviti, insentif dan pengurusan risiko.

Lebih ketara, purata hasil padi negara masih berada sekitar 3.5 hingga 3.9 tan sehektar, sedangkan kawasan jelang berpotensi mencecah lima hingga tujuh tan sehektar sekiranya sokongan, teknologi dan kos input berada pada tahap yang munasabah.

Maka, memburukkan pesawah sebagai punca masalah adalah tidak adil sebaliknya perlu diperbetulkan ialah struktur yang mengikat mereka kepada kos tinggi dan pulangan tipis.

## HARGA LANTAI HANYA PULANG MODAL

Pesawah tidak akan terus menanam hanya dengan retorik atau harapan. Mereka perlukan motivasi yang paling asas iaitu pulangan yang munasabah. Kos mengusahakan sawah dilaporkan mencecah kira-kira RM5,500 sehektar, yang meletakkan kos pengeluaran sekitar RM1,500 bagi setiap tan metrik atau lebih.

Dalam keadaan ini, harga lantai RM1,500 setan metrik sebenarnya tidak memberi keuntungan yang wajar kerana sekadar cukup-cukup untuk 'balik modal'.

Malahnya, pesawah menanggung risiko yang besar seperti banjir, kemarau, serangan

perosak, penyakit tanaman, serta



**Dalam operasi padi, diesel bukan komponen kecil sebaliknya mempengaruhi kos membajak, menuai, pam air, pengangkutan input seperti baja, benih dan racun, serta logistik hasil."**

ketidaktentuan hasil.

Apabila harga lantai hanya menyamai kos menyebabkan risiko tersebut ditanggung sepenuhnya oleh pesawah tanpa sebarang pampasan ekonomi yang realistik.

Seorang pesawah memaklumkan pernah berhutang RM1,800 pada dua musim lalu, kemudian berhutang lagi RM400 pada musim berikutnya kerana hasil tidak menjadi. Itu berlaku sebelum tekanan kos semasa melonjak. Jika sekarang kos bertambah, sejauh mana lagi hutang akan membesar sebelum pesawah memilih untuk berhenti?

Dalam operasi padi, diesel bukan komponen kecil sebaliknya mempengaruhi kos membajak, menuai, pam air, pengangkutan input seperti baja, benih dan racun, serta logistik hasil. Apabila

diesel naik, kos naik serentak dan pantas. Inilah sebabnya pesawah melihat keadaan hari ini sebagai 'titik pemutus'.

Jika kerajaan mahu mengekalkan pesawah sebagai tonggak keterjaminan makanan, maka mesti memahami keputusan berkaitan diesel bukan semata-mata isu fiskal tetapi melibatkan kos pengeluaran makanan negara.

Pada masa sama, ada satu implikasi besar yang sering terlepas pandang iaitu isu pesawah bukan sekadar kebajikan tetapi regenerasi tenaga kerja. Jika pesawah hidup bermaruah dan berpendapatan stabil, membolehkan anak muda melihat sawah sebagai kerjaya yang bernilai dan mampu membina masa hadapan.

Pesawah yang 'senang' akan menarik generasi baharu untuk mewarisi sawah, menyerap teknologi moden dan meningkatkan produktiviti. Sebaliknya, jika sawah terus dikaitkan dengan hutang, risiko dan 'balik modal', hanya menyebabkan anak muda akan menjauh. Akhirnya sektor padi menjadi sektor 'orang lama' sementara dan negara kehilangan warisan tenaga kerja serta kemahiran lapangan.

## SELAMATKAN PESAWAH UNTUK SELAMATKAN RAKYAT

Kerajaan mesti bertindak segera dan secara struktural. Pertama, semakan harga asas padi harus dibuat dengan mengambil kira kos sebenar semasa dan risiko ditanggung pesawah, bukan hanya

sekadar angka yang kelihatan 'cantik' di atas kertas.

Kedua, bantuan bersasar perlu ditambah baik termasuk subsidi input dan bantuan diesel pertanian yang benar-benar sampai kepada pesawah kecil, di samping mekanisasi serta penyelenggaraan infrastruktur sawah.

Ketiga, pembaikan tadbir urus rantaian nilai padi dan beras mesti digerakkan agar manfaat bantuan tidak 'bocor' kepada orang tengah atau pihak hiliran semata-mata, sedangkan pesawah terus memikul beban.

Keempat, perlindungan risiko perlu diperkuh melalui skim takaful lebih mesra tuntutan, dana bencana pantas dan pengurusan air/pengairan yang benar-benar mengurangkan risiko gagal hasil.

Luahan pesawah yang mahu berhenti menanam padi ialah amaran awal yang tidak patut dipandang ringan kerana membabitkan isu keselamatan makanan negara. Menyelamatkan pesawah bermakna mempertahankan makanan rakyat, kestabilan negara dan kedaulatan masa hadapan Malaysia.

Tanpa pesawah yang mampu bertahan, hanya menyebabkan keterjaminan makanan akan rapuh. Apabila keterjaminan rapuh, menyebabkan kos sara hidup akan menekan dan akhirnya seluruh negara membayar harga yang lebih mahal.

DR. Mukhtaruddin Musa ialah Ketua Penyelidik (Governans & Polisi), Yayasan Strategik Lestari dan pemerhati politik semasa.



**KENAIKAN** kos terutama diesel menekan pesawah sehingga menjejaskan pendapatan dan mengancam kelangsungan mereka dalam sektor padi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/4/2026	SINAR HARIAN	NASIONAL	15

# Pengorbanan Kedah sebagai jelapang padi negara wajar diberi insentif

**ALOR SETAR** - Sultan Kedah, Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah bertitah bahawa pengorbanan Kedah mengekalkan 119,000 hektar kawasan padi serta 160,000 hektar kawasan tadahan air di Hutan Simpan Ulu Muda wajar diberi insentif kewangan oleh Kerajaan Persekutuan.

Baginda menegaskan permohonan tersebut perlu dipertimbangkan bagi memastikan kelangsungan fungsi Kedah sebagai jelapang padi negara terus terpelihara.

Dalam masa sama, Sultan Sallehuddin turut menyokong pelaksanaan inisiatif penanaman padi lima kali dalam tempoh dua tahun selain merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan atas peruntukan pembangunan infrastruktur pertanian.

"Agensi berkaitan seperti Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia perlu lebih agresif dalam memperkasa pembangunan sektor padi," titah baginda pada Isnin.

Sultan Sallehuddin bertitah, tumpuan juga perlu diberikan kepada pembangunan benih padi berkualiti tinggi, penggunaan jentera serta teknologi moden termasuk Internet of Things (IoT) bagi meningkatkan produktiviti.

Menurut baginda, skim penanaman padi secara estet juga perlu diperkasakan bagi meningkatkan hasil dan pendapatan petani



SULTAN SALLEHUDDIN

secara mampan.

Sementara itu, baginda bertitah kerajaan negeri perlu mengambil pendekatan lebih tegas dan proaktif dalam berdepan cuaca panas yang menyaksikan paras takungan empangan kini berada pada tahap kritikal.

Titah baginda, usaha memelihara kawasan tadahan air perlu diperkukuh termasuk memantau serta membanteras aktiviti haram yang boleh menjejaskan sumber air negeri.

"Kelangsungan sektor pertanian, perindustrian serta keperluan domestik amat bergantung kepada kestabilan sumber air khususnya daripada kawasan hutan tadahan," titah baginda lagi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/4/2026	SINAR HARIAN	NASIONAL	15

## Pengorbanan Kedah wajar disusuli insentif kewangan

**ALOR SETAR** – Sultan Kedah, Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah bertitah pengorbanan negeri dalam mengekalkan 119,000 hektar kawasan padi dan 160,000 hektar kawasan tadahan air wajar disusuli dengan insentif kewangan daripada Kerajaan Persekutuan.

Sultan Sallehuddin bertitah, baginda amat menyokong pelaksanaan inisiatif penanaman padi lima kali dalam tempoh dua tahun sejajar dengan usaha untuk memastikan keterjaminan bekalan beras negara.

“Beta merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan yang telah menyalurkan peruntukan untuk pembangunan infrastruktur bagi tujuan tersebut.

“Walau bagaimanapun, pengorbanan negeri beta dalam mengekalkan 119,000 hektar kawasan padi dan 160,000 hektar kawasan tadahan air di Hutan Simpan Ulu Muda ini wajar disusuli dengan insentif kewangan oleh Kerajaan Persekutuan sepertimana yang telah dimohon oleh Kerajaan Negeri Kedah,” titah baginda semalam.

Sementara itu, baginda bertitah agar kerajaan negeri

mengambil pendirian yang lebih tegas, proaktif dan memelihara kawasan tadahan air termasuk memantau aktiviti-aktiviti haram yang boleh menjejaskan sumber air.

Titah baginda, ia adalah bagi berhadapan dengan keadaan cuaca panas di mana kadar takungan empangan berada pada paras kritikal.

Sultan Kedah turut bertitah supaya agensi pembangunan dan penyelidikan seperti Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) lebih agresif memberi tumpuan kepada pembangunan benih padi yang lebih bermutu tinggi.

Sultan Sallehuddin bertitah, tumpuan juga perlu diberikan kepada penggunaan jentera dan teknologi moden serta memperkasakan penggunaan *Internet of Things* yang mampu meningkatkan produktiviti.

“Dalam masa yang sama, beta juga menyarankan agar skim penanaman padi secara estet perlu diperkasakan bagi meningkatkan produktiviti hasil padi dan pendapatan petani yang lebih mampan,” titah baginda.



**KEDAH mengekalkan 119,000 hektar kawasan padi dan 160,000 hektar kawasan tadahan air.** – GAMBAR HIASAN

14/4/2026

HARIAN  
METRO

LOKAL

18

## Sultan Kedah titah insentif untuk Negeri Jelapang Padi

**Alor Setar:** Pengorbanan Kedah dalam mengekalkan 119,000 hektar kawasan padi dan 160,000 hektar kawasan tadahan air di Hutan Simpan Ulu Muda wajar disusuli dengan insentif kewangan daripada Kerajaan ersekutuan.

Sultan Kedah, Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah bertitah, perkara itu perlu seperti mana yang sudah dipohon kerajaan negeri bagi memastikan kelangsungan fungsi Kedah sebagai jelapang padi negara terus terpelihara.

Baginda bertitah, kerajaan negeri menyokong pelaksanaan inisiatif penanaman padi lima kali dalam tempoh dua tahun dan menghargai peruntukan disalurkan bagi pembangunan infrastruktur sawah.

"Agensi berkaitan sepe-



KERAJAAN negerimenyokong pelaksanaan inisiatif penanaman padi lima kali dalam tempoh dua tahun di Kedah.

ti Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia perlu lebih agresif dalam memperkasa pembangunan sektor padi.

"Pengorbanan negeri dalam mengekalkan 119,000 hektar kawasan padi dan 160,000 hektar kawasan tadahan air di Hutan Simpan Ulu Muda ini wajar disusuli dengan

insentif kewangan dari Kerajaan Persekutuan, seperti mana yang telah dipohon," titah baginda.

Baginda bertitah demikian pada Istiadat Perasmian Persidangan Dewan

Undangan Negeri (DUN) Kedah, Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, DUN Kedah Ke-15 di Wisma Darul Aman, semalam.

Sultan Sallehuddin bertitah tumpuan juga perlu diberikan kepada penggunaan benih padi berkualiti tinggi, penggunaan moden termasuk *Internet of Things* (IoT) bagi meningkatkan produktiviti.

Baginda bertitah, kerajaan negeri perlu mengambil pendekatan lebih tegas dan proaktif dalam berdepan cuaca panas yang menyaksikan paras takungan empangan kini berada pada tahap kritikal.

"Kelangsungan sektor pertanian, perindustrian serta keperluan domestik amat bergantung kepada kestabilan sumber air

khususnya daripada kawasan hutan tadahan.

"Fenomena cuaca yang semakin tidak menentu termasuk ketidakseimbangan pola hujan dan musim kemarau ketika ini memerlukan pengurusan sumber air yang mampan serta amalan pertanian yang lebih berdaya taban.

"Pelan mitigasi risiko bencana perlu ditambah baik secara lebih serius bagi memastikan kesiapsiagaan negeri sentiasa bertitah baginda.

Baginda turut mengingati semua pihak supaya mengamalkan pengurusan sumber negeri secara berhemah, cekap dan strategik dalam menghadapi ketidaktentuan global termasuk konflik di Asia Barat dan Eropah Timur.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/4/2026	BERITA HARIAN	NASIONAL	14

# Kedah wajar dapat insentif harga kekal kawasan padi, tadahan air

**Sultan Kedah bertitah permohonan demi kelangsungan sebagai negeri jelapang padi**

Oleh Noorazura Abdul Rahman  
bhnews@bh.com.my

**Alor Setar:** Pengorbanan Kedah mengekalkan 119,000 hektar kawasan padi serta 160,000 hektar kawasan tadahan air di Hutan Simpan Ulu Muda wajar disusuli dengan insentif kewangan daripada Kerajaan Persekutuan.

Sultan Kedah, Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah, bertitah perkara itu selaras dengan permohonan kerajaan negeri bagi memastikan kelangsungan fungsi Kedah sebagai jelapang padi negara terus terpelihara.

Baginda turut menzahirkan sokongan terhadap pelaksanaan inisiatif penanaman padi lima kali dalam tempoh dua tahun serta menghargai peruntukan bagi pembangunan infrastruktur sawah.

"Agensi berkaitan seperti Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Institut Penyelidi-

kan dan Kemajuan Pertanian Malaysia perlu lebih agresif dalam memperkasakan pembangunan sektor padi.

"Pengorbanan negeri dalam mengekalkan kawasan padi dan tadahan air ini wajar disusuli dengan insentif kewangan daripada Kerajaan Persekutuan, seperti yang telah dimohon," titah baginda.

Baginda bertitah demikian ketika merasmikan Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah, Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, DUN Kedah Ke-15 di Wisma Darul Aman, semalam.

Selain itu, baginda menekankan kepentingan pembangunan benih padi berkualiti tinggi, penggunaan jentera moden serta teknologi termasuk Internet of Things (IoT) bagi meningkatkan produktiviti sektor berkenaan.

"Pada masa sama, skim penanaman padi secara estet perlu diperkasakan bagi meningkatkan hasil serta pendapatan petani secara mampan," titah baginda.

## Tangani cuaca panas

Sultan Sallehuddin bertitah, kerajaan negeri perlu lebih proaktif menangani cuaca panas yang menyebabkan paras takungan empangan kini berada pada tahap kritikal.

Baginda bertitah, usaha memelihara kawasan tadahan air perlu



Sultan Sallehuddin ketika Istiadat Perasmian Pembukaan DUN Kedah di Wisma Darul Aman, Alor Setar, semalam. (Foto ihsan Pejabat SUK)

diperkukuh, termasuk memantau dan membanteras aktiviti haram yang boleh menjejaskan sumber air negeri.

"Kelangsungan sektor pertanian, perindustrian dan keperluan domestik amat bergantung kepada kestabilan sumber air, khususnya dari kawasan hutan tadahan.

"Fenomena cuaca tidak menen-

tu termasuk ketidakseimbangan pola hujan dan musim kemarau memerlukan pengurusan sumber air yang mampan serta amalan pertanian lebih berdaya tahan.

"Pelan mitigasi risiko bencana perlu ditambah baik bagi memastikan kesiapsiagaan negeri sentiasa pada tahap optimum," titah baginda.

Baginda turut mengingatkan

semua pihak supaya mengamalkan pengurusan sumber negeri secara berhemah, cekap dan strategik dalam menghadapi ketidakpastian global termasuk konflik di Asia Barat dan Eropah Timur.

## Pulau bebas cukai

Dalam pada itu, Sultan Kedah bertitah, Pulau Langkawi perlu dikembalikan sebagai pulau bebas cukai seperti dahulu bagi memastikan tarikkannya sebagai destinasi pelancongan kekal kompetitif.

Baginda bertitah, usaha itu penting dalam merencanakan semula sektor pelancongan di pulau berkenaan yang berdepan pelbagai cabaran, termasuk kekeangan infrastruktur dan aksesibiliti.

Meskipun status Langkawi sebagai pulau bebas cukai kekal namun, baginda bertitah ada keistimewaan yang dikurangkan.

"Beberapa keistimewaan sebelum ini dinikmati dikurangkan termasuk pelaksanaan kadar cukai kepada kenderaan yang dihadkan, cukai-cukai kepada produk yang berasaskan tembakau, serta lain-lain barangan.

"Sehubungan itu, beta menyeru Kerajaan Persekutuan dapat mengembalikan status Pulau Langkawi sebagai pulau bebas cukai dengan keistimewaan-keistimewaan yang dinikmati seperti sebelum ini," titah baginda.

# Kos bajak sawah RM800 sehektar?

Oleh **JAMLIH ABDULLAH**  
utusannews@mediamulla.com.my

**ALOR SETAR:** Pengusaha jentera pertanian di negeri ini merayu kerajaan mempertimbang pemberian diesel bersubsidi menjelang musim penanaman 1/2026 bermula hujung bulan ini bagi menampung kenaikan kos bahan api.

Rata-rata pengusaha yang ditemui *Utusan Malaysia* melarikan kebimbangan apabila kemungkinan besar mereka terpaksa menaikkan kos sewa jentera kepada pesawah sehingga dua kali ganda sekali gus membekalkan golongan itu.

Seorang pemilik traktor, Mohd. Amirul Idris, 39, berkata, bukan itu sahaja, mereka kini juga kebingungan untuk menetapkan sewa baharu ekoran kenaikan harga diesel yang tidak tetap ketika ini.

"Sekarang musim membajak tetapi kami sendiri tak tahu nak sewakan berapa kepada pesawah sebab harga diesel tak tetap.

"Apa yang pasti kos bajak akan naik dua kali ganda berbanding RM525 sehektar atau RM180 hingga RM200 setiap re- lung musim lepas ketika harga diesel masih rendah.

"Kalaucongak dengan harga diesel ketika ini iaitu RM6.72

in kesusahan, mereka tak mungkin berhenti tanam padi kerana itu sahaja sumber pendapatan," jelasnya.

Seorang lagi pengusaha, Mohamad Shahriza Shahe, 37, memberitahu, sebagai golongan yang terlibat dalam sektor makanan utama negara, golongan itu juga sepatutnya layak memperoleh diesel bersubsidi atau *fleet card* di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS).

"Kalau bimbang berlaku ketirisan kami cadang agar *fleet card* ini disalurkan melalui agensi terlibat yang mengetahui pergerakan kami. Ia lebih mudah atau jika tidak mahu beri subsidi ini sepanjang tahun berilah ketika musim penanaman atau menuai sahaja iaitu dua kali setahun.

"Kami pengusaha juga tanggung beban kerana terpaksa keluar modal dahulu untuk beli diesel. Setiap kali ke bendang kami perlu isi 200 hingga 300 liter jadi bayangkan jika terpaksa beli dengan harga RM6.72 atau lebih," katanya.

Tambahnya, kos diesel tersebut yang terpaksa diserapkan kepada golongan pesawah pasti membebankan mereka yang juga menanggung kerugian ekoran pelbagai masalah lain seperti penyakit padi.



**PENGUSAHA jentera pertanian yang juga pesawah, Abdul Manaf Don, 63, memerhatikan pembantuannya melakukan kerja pembajakan di sawah miliknya di Tok Keling, Alor Setar.**

Menurut Mohd. Amirul, situasi yang menghimpit golongan pesawah dan pengusaha jentera pertanian juga dikhuatiri melemahkan semangat orang muda seperti untuk menyertai sektor padi.

"Budak-budak muda sekarang pun sudah mengeluh lebih baik mereka cari kerja makan

gaji daripada terlibat dalam sektor ini. Semua pengusaha jentera akan terlibat kerana kami menggunakan diesel sepenuhnya.

"Jadi kami harap sangat kerajaan mempertimbang subsidi seperti sektor lain bagi memangkas kenaikan harga diesel ini.

"Kasihlah petani yang banyak golongan asnaf dan kini semak-

# Projek tilapia jana pendapatan 320 penduduk Jenalik Hilir

Ternakan ikan di tujuh kolam beri pulangan hingga RM36,000 satu musim

Oleh Muhammad Zulsyamini  
Sufian Suri  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Kangsar:** Projek ternakan ikan tilapia secara komuniti di Kampung Jenalik Hilir, Sauk, di sini, berjaya meningkatkan sumber pendapatan penduduk selain membantu kebajikan golongan rentan serta menyokong penganjuran program kemasyarakatan.

Inisiatif yang digerakkan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Jenalik Hilir itu bukan sahaja ternak tilapia merah, malah turut membabitkan tilapia hitam yang bakunya diperolehi dari Taik Bending. Gerik dan mendapat permintaan tinggi termasuk di pasaran luar negara.

ngan kepada keluarga yang ditimpa mustabah," katanya kepada BH.

## Permintaan restoran

Katanya, faktor lokasi bertepatan dengan Lenggong turut membantu aspek pemasaran, khususnya kepada pengusaha restoran yang memerlukan bekalan ikan secara konsisten.

"Permintaan sentiasa ada kerana kami mempunyai pelanggan tetap dalam kalangan pengusaha 'nasi talam' di Lenggong, yang menjadi destinasi pelancongan terkenal," katanya.

Aidol berkata, projek itu dilaksanakan oleh 13 ahli JPKK dengan sokongan penduduk kampung menerusi peruntukan RM100,000 di bawah program Sejahtera Komuniti MADANI (Sejati MADANI), yang dipantau Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri.

Katanya, pemantauan turut dijalankan pada peringkat daerah oleh Pegawai Lapangan Inisiatif Pendapatan Rakyat melalui Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Kangsar.

Selain itu, projek itu turut mendapat bimbingan teknikal daripada Jabatan Perikanan



Projek ternakan ikan tilapia dalam kolam di Kampung Jenalik Hilir, Sauk

yang membantu dari segi pemantauan serta khidmat nasihat, termasuk menangani cabaran seperti kematian ikan akibat kekurangan oksigen ketika musim kemarau.

Beliau berkata, pihaknya merancang memperluaskan projek itu dengan memohon tambahan bekalan benih ikan serta membuka kawasan kolam baharu.

"Kami bercadang memperluaskan ternakan bagi musim akan datang kerana masih terdapat ki-

ra-kira tiga ekar tanah yang sesuai dijadikan kolam.

"Permohonan juga akan dibuat kepada Jabatan Perikanan dan Pejabat Menteri Besar bagi memastikan projek ini dapat dibangunkan," katanya.

Projek itu dilihat selari dengan usaha memabmi kemiskinan target menerusi pelan pembangunan Perak Sejahtera 2030, selain menyokong agenda memperkasa ekonomi komuniti pada peringkat daerah.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/4/2026	KOSMO	NEGARA	6

# 'Ramai pilih sayur berlubang'

- **Bimbang risiko kesihatan termakan sayur ada racun**
- **Turut bertanya sumber dan kaedah penanaman**

Oleh NORFARHIZA MOHD. ATAR

**CAMERON HIGHLANDS** – Isu sayur beracun di Cameron Highlands membuatkan pelancong lebih cenderung membeli sayur yang berlubang dan rosak sedikit bagi mengelakkan risiko kesihatan akibat kandungan racun perosak.

Tinjauan *Kosmo!* di sekitar kawasan tumpuan pelancong di sini mendapati aktiviti jual beli sayur masih berjalan seperti biasa dengan kehadiran pengunjung yang tidak putus-putus.

Namun, pelancong kini dilihat cenderung memilih sayur yang berlubang serta rosak sedikit kerana ia dianggap menunjukkan penggunaan bahan kimia yang lebih rendah.

Peniaga sayur di Kea Farm, Shamala Devi, 55, berkata, jualan di gerainya kekal stabil walaupun berita mengenai kandungan racun di dalam sayur mendapat perhatian ramai.

"Setiap hujung minggu memang ramai pelancong datang dan mereka masih beli sayur macam biasa, tidak nampak pun jualan merosot, saya menjual sayur yang ditanam sendiri.

"Kebanyakan pelancong yang datang tetap membeli sayur-sayuran segar seperti biasa tanpa menunjukkan kebimbangan melampau, mereka membeli sa-



SHAMALA menyusun sayur-sayuran yang dijual di gerai miliknya di Kea Farm, Cameron Highlands semalam.

sur yang sedikit rosak," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Ujarnya, pelanggan juga dilihat lebih peka dan sering bertanya mengenai sumber serta kaedah penanaman sayur yang dijual.

Dia memberitahu, sayur yang sedikit berlubang biasanya disebabkan dimakan serangga seperti ulat, kumbang dan siput.

"Bila ada kesan macam itu, pelanggan anggap penggunaan racun perosak lebih terkawal berbanding sayur yang nampak terlalu sempurna," katanya.

Seorang lagi peniaga di Habu, di sini, K. Sanmugam, 67, turut berkongsi pandangan sama apabila jualannya masih berada

pada tahap memuaskan.

"Pelanggan masih datang dan beli seperti biasa. Hujung minggu memang sibuk, macam sebelum ini juga," katanya.

Baru-baru ini *Kosmo!* melaporkan, sayur beracun dari daerah ini yang dihalang memasuki Singapura sama ada menggunakan racun perosak secara berlebihan atau tidak dibenarkan dikhuatiri dijual di pasaran tempatan dan berisiko menjejaskan kesihatan pengguna.

Dakwaan itu berasas apabila Singapura mengeluarkan 39 notifikasi penolakan melibatkan 14 pengeksport sayur dari daerah ini pada tahun lalu.

Timbul juga persoalan

bagaimana dengan sayur-sayuran yang dijual dalam negara ini adakah dihasilkan dari ladang yang sama,

Susulan itu juga Presiden Peratuan Kesedaran Alam Sekitar Cameron Highlands (Reach), A. Dilip Martin berkata, penggunaan racun perosak yang dilarang di Cameron Highlands bukan perkara baharu kerana dipercayai sudah berlarutan sejak puluhan tahun lalu.

Katanya, penguatkuasaan yang lemah menjadi punca utama racun haram itu masih digunakan di kawasan tersebut yang terkenal sebagai pusat pertanian termasuk pengeluar sayur-sayuran negara.

Pelancong 'seram' beli sayur Cameron Highlands

**KERATAN KOSMO! 12 April 2026.**